

Universiti Malaysia Pahang ambil bahagian menerusi 11 acara kejohanan

Masum: 145 atlet UMP berentap



DAING Nasir Ibrahim (duduk, baju putih, tengah) bergambar bersama para atlet yang menyertai Karnival Sukan Masum di UMP Kampus Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Oleh NOREHAN SALEH
utusankn@gmail.com

KUANTAN 27 Ogos - Seramai 145 atlet Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Karnival Sukan Malls Sukan Universiti Malaysia 2013 (Masum) yang sedang berlangsung sehingga Jumaat ini di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, Selangor.

Kejohanan kali ini menyaksikan universiti ini mengambil bahagian dalam 11 acara sukan iaitu petanque, badminton, taekwando, bola keranjang, sepak takraw, pencak silat, bola baling, bola jaring, bola tampar, karate-do dan futsal.

Majlis penyerahan bendera universiti disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim kepada wakil kontinjen lelaki, Zikrul Hakim Mohd. Zahid dan Nik Hafiza Azhar mewakili kontinjen wanita dalam majlis yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah, Kompleks Pentadbiran UMP Gambang di sini baru-baru ini.

Daing Nasir berkata, dengan semangat kesukanan yang tinggi beliau percaya UMP mampu bersaing

dalam karnival tersebut di samping memelihara imej dan nama baik universiti itu.

Menurutnya, menang atau kalah adalah adat pertandingan, namun diharapkan para atlet menyahut cabaran dengan menunjukkan keunggulan sepanjang kejohanan tersebut.

"Pihak pengurusan UMP sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan sukan di universiti melalui inisiatif yang digerakkan oleh Pusat Sukan UMP," katanya.

Dalam pada itu Pegawai Kanan Belia dan Sukan UMP, Aznorizamin Ismail berkata, karnival tersebut untuk memupuk semangat setia kawan dan mengeratkan silaturahim antara penuntut universiti dari seluruh negara.

Katanya, sukan itu menjadi platform yang dapat merealisasikan hasrat UMP melahirkan lebih ramai penuntut yang aktif dan berdaya saing.

"Dengan gelaran baharu iaitu *The U Elephant* berbanding dahulu *UMP Sharks*, diharapkan dapat meningkatkan semangat para atlet UMP untuk membawa pulang kejayaan," ujarnya.